



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

9 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)

Antara tarikan istimewa MAHA tahun ini mempamerkan beberapa lembu sado kepada para pengunjung

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

Kosmo!

Negara

5



ZURHANNI membuat persiapan akhir di tapak pameran MAHA 2024 di MAEPS, Serdang baru-baru ini.



ANTARA tarikan istimewa MAHA tahun ini mempamerkan beberapa lembu sado kepada para pengunjung.

MAHA pameran pertanian terulung, tertua di Asia Tenggara

Oleh FARID AHMAD TARMIR

DIANJURKAN secara dwi tahunan, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) menjadi satu program yang sentiasa dinantikan oleh rakyat negara ini.

Jika dihitung, MAHA telah mencapai usia 100 tahun pengajuannya sejak diperkenalkan pada tahun 1923.

Maka tidak hairanlah MAHA mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan telah berevolusi melalui pelbagai peringkat sehingga seperti ini yang dikenali pada hari ini.

Malah sempena satu abad pengajuannya, MAHA 2024 akan diadakan pada 11 hingga 22 Sep-

tember ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di Serdang, Selangor.

Ketua Sekretariat MAHA 2024, Zurhanni Zakaria berkata, apa yang lebih istimewa MAHA 2024 kali ini meraikan 100 tahun pengajuannya setelah kali pertama dianjurkan pada 30 Jun hingga 2 Julai 1923.

Menurutnya, setelah 100 tahun pengajuannya, MAHA menjadi pameran pertanian yang terulung dan tertua di rantau Asia Tenggara.

"Merayakan 100 tahun pengajuannya, MAHA 2024 akan memberi penekanan kepada elemen yang mengangkat MAHA ke peringkat antarabangsa dengan penglibatan penyertaan daripada pelbagai negara, merentas pembangunan daya tahan dalam sektor keterjaminan makanan dan mengangkat minat golongan muda untuk turut serta dan menjadikan sektor ini sebagai sumber pendapatan utama."

"Untuk pengajuannya tahun ini juga kita menyasarkan pendekatan baru iaitu MAHA Go Global dengan menarik penyertaan berbagai negara untuk bersama-sama dalam program ini.

"Kita mendapat penyertaan yang sangat baik dan ini kali pertama MAHA membuka secara rasmi penyertaan daripada negara-negara luar," katanya.

Tambah beliau, MAHA 2024 mendapat penyertaan lebih daripada 20 negara dan 16 daripadanya akan membuka pavilion mereka dalam pameran tersebut.

Dalam pada itu, tema bagi MAHA 2024 adalah, 'Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom', atau-



pun memulai harapan membina masa hadapan.

Malah, MAHA 2024 akan menjadi pencetus kepada satu dimensi baharu sektor pertanian untuk masa hadapan.

Zurhanni menjelaskan, MAHA 2024 akan memberikan penekanan kepada berbagai elemen.

"Kita juga akan bawakan kepada pengunjung, peminat industri dan sebagainya tentang pendekatan teknologi terkini dalam sektor pertanian bukan hanya di Malaysia tetapi di luar negara.

"Kita akan perkenalkan secara interaktif kepada petani-petani kita tentang teknologi Internet of Thing (IoT), kecerdasan buatan (AI) dan sebagainya untuk diaplikasikan secara menyeluruh dalam sektor pertanian negara.

"Malah, jika dilihat pada perkembangan tahun-tahun sebelumnya, sebagaimana kita memperkenalkan teknologi dron pada peringkat awal dulu dan kini telah diterima baik dalam kalangan masyarakat umum," terangnya.

Dalam pada itu, MAHA 2024 juga menyediakan jumlah kehadiran pengunjung seramai tiga juta orang sepanjang program itu yang turut berlangsung pada musim cuti persekolahan.

Selain itu, jumlah nilai memorandum persefahaman (MoU) yang

dijunkan bernilai RM6 bilion dan nilai jualan langsung sepanjang program sebanyak RM40 juta.

Mengulas lanjut, Zurhanni berkata, bagi MAHA 2024 akan ada lebih 2,000 pempamer dan juga usahawan yang akan bersama dengan mereka pada program itu.

"Untuk usahawan makanan sahaja kita ada hampir 1,000 gerai dan jumlah itu agak tinggi memandangkan kita menyasarkan bilangan kehadiran sebanyak 300,000 orang setiap hari.

"Malah kita juga memberi nasihat ikhlas kepada para pengusaha makanan yang akan berlagu sepanjang tempoh MAHA 2024 untuk menjual makanan mereka pada kadar yang munisabah dan mampu milik kepada pengunjung," terangnya.

Selain itu, untuk kemudahan kepada pengunjung yang hadir ke MAHA 2024 ada beberapa perkara baharu yang dibawa demi keselesaan.

Lakikan berjalan kaki sejauh 11 kilometer yang berbumbung turut disediakan bagi kemudahan para pengunjung.

Selain itu Zurhanni berkata, pilihan perkhidmatan pengangkutan juga dipelbagaikan di sekitar MAEPS untuk kemudahan kepada pengunjung bergerak.

"Kita bukan hanya ada tram, tetapi kita juga menyediakan pelbagai jenis buggy, kenderaan elektrik (EV) dan bas untuk para pengunjung.

"Malah stesen MRT Universiti Putra Malaysia (UPM) yang terdekat dengan MAEPS juga telah beroperasi dan kita galakkan pengunjung untuk datang ke MAHA

2024 dengan menggunakan kemudahan MRT ini.

"Kita juga akan menyediakan kemudahan shuttle secara percuma dari stesen MRT untuk ke tapak pameran," katanya.

Tambah beliau, pengunjung digalakkan menggunakan kemudahan awam bagi mengelakkan kesesakan trafik ke MAHA 2024.

Dalam pada itu, MAHA 2024 yang berlangsung selama 12 hari itu turut menampilkan lebih 30 segmen menarik melibatkan aktiviti pameran dan jualan meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantaian nilai agromakanan.

Untuk pengisian dalam dewan, segmen-segmen yang terlibat adalah seperti Agro-Tech, Agro-Lifestyle, Agro-Tourism, Agro-Youth dan banyak lagi.

Segmen pameran dan jualan di luar dewan pula melibatkan laman seperti Agro-Food Pad, Agro-Food Florikultur, Agro-Food Nanas, Agro-Food Ternakan dan pelbagai lagi.

Malah MAHA 2024 kali ini turut menampilkan lipan segmen yang akan menjadi tarikan baharu pengunjung termasuklah floating market, pertunjukan format muzikal air serta glamping dan motorhome.

Zurhanni berkata, semua negeri juga turut menyertai pameran MAHA 2024.

"Setiap negeri akan ada pavilion termasuk Wilayah Persekutuan yang kali pertama akan membangunkan pavilion sendiri.

"Selain itu, terdapat pelbagai jenis lembu sado dan dua ekor gajah akan dipamerkan pada MAHA 2024," katanya.

MAHA 2024 juga menyasarkan jumlah kehadiran pengunjung tiga juta orang."

ZURHANNI



MAHA 2024 lebih meriah Info Aktiviti Menarik : Lembu Sado

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

Sinar Harian

Nasional

7

TELUS & TELUS • MATA DAN TELINGA BAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sinar Harian

NASIONAL 7

ISN 9 SEPTEMBER 2024 • SINAR HARIAN

MAHA 2024 lebih meriah

Sempena 100 tahun, pameran MAHA 2024 tampil dengan pelbagai aktiviti menarik

Oleh NURUL HUDA HUSAIN SERDANG

M erakan 100 tahun pengajuannya, Pameran Pertanian Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) edisi 2024 yang akan berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, mulai 11 September ini tampil menawarkan pelbagai aktiviti menarik buat pengunjung.

Bertemakan 'Menuai Harapan, Membina Masa Hadapan', pameran pertanian utama dan terbesar di Asia Tenggara yang menyediakan lebih 2,000 ruang jualan dan pameran itu akan dibuka mulai jam 10 pagi hingga 10 malam sepanjang 12 hari acara itu diadakan.

Ketua Sekretariat MAHA 2024, Zurihanmi Zakariya berkata, selain dengan tema yang diangkat pada edisi kali ini, acara dwi tahunan tersebut juga bermatlamat untuk meriah masa depan pertanian yang lebih maju dan inovatif selari dengan usaha menjadikan sektor berkenaan sebagai sumber pendapatan utama.

Menurutnya, melangkaui satu abad pengunjuran, acara tersebut menjadi pameran sektor pertanian yang sentiasa dinanti oleh segenap lapisan masyarakat kerana membawa elemen teknologi terkini dan penekanan pameran bersifat interaktif dalam sektor pertanian dan ketenteraman makanan negara.

"Kita percaya memandangkan cuti sekolah dan sebagainya, kita bersedia di kawasan yang berkeluasan 130 hektar ini (MAEPS Serdang) untuk menerima kunjungan seramai tiga juta orang sepanjang tempoh program ini. Bagi pelaksanaan program kita sasar seramai 300,000 pengunjung setiap hari.

"Terdapat 48 segmen yang kita bawakan khas kepada pengunjung dan masyarakat. Ada elemen yang bersifat konvensional dan ada suntikan baharu khususnya untuk menarik penyertaan golongan muda untuk hadir beramai-ramai," katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan tapak acara berkenaan di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, segmen dalam dewan yang ada antaranya Agro-Tech, Agro-Lifestyle, Agro-Tourism dan Agro-Youth. Bagi segmen pameran atau

Zurihanmi (kiri) meninjau persiapan akhir sempena sambutan 100 tahun MAHA di MAEPS Serdang pada Jumaat.

jualan pula ialah Agro-Food Padi, Agro-Food Florikultur, Agro-Food Nanas, Agro-Food Sayuran & Herba dan Agro-Food Ternakan.

"Selain itu, terdapat 13 pavilion negeri, yang masing-masing mempunyai reka bentuk yang unik.

"Pavilion-pavilion negeri yang djangka menampilkan ciri-ciri semua negeri di Malaysia termasuk keunikan kesenian budaya, pusat tarikan pelancongan, produk dan makanan yang boleh dinikmati oleh pengunjung," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai tarikan baharu untuk MAHA edisi kali ini, Zurihanmi berkata, terdapat enam segmen atau zon diperkenalkan iaitu Magical At Night & Water Show, Kids Attraction, Rhythm of Farmers, Agro Fit, Sunflower Garden dan Floating Market.

"Selari dengan pengunjuran pada musim cuti sekolah, zon Kids Attraction ini menyediakan kawasan khusus untuk kanak-kanak bermain dan menyertai pelbagai aktiviti dsedekahkan.

"Tidak lupa juga, tarikan baharu kali ini juga menyediakan ruang glamping, motorhome dan sebagainya dalam usaha untuk menarik penyertaan golongan muda. Bagi penyertaan aktiviti ini kita galak pengunjung supaya membuat tempahan awal kerana ia terhad," katanya.

Beliau menambah, lembu sado yang menjadi elemen tarikan utama kepada MAHA juga turut ditampilkan selain dua ekor gajah turut di bawa pada kali ini.

Kelainan

Menurut Zurihanmi, menyentuh mengenai pendekatan baharu MAHA 2024 iaitu mempromosikan MAHA Go Global, beliau berkata, ia selari dengan

hasrat untuk menjadikan acara edisi kali ini menjadi medan sektor pertanian berteknologi tinggi di peringkat dunia.

"MAHA pada edisi yang ke-100 pada tahun ini membawa kelanaran apabila tiga hari pertama iaitu 11 hingga 13 September 2024 dibuka khusus untuk komuniti perniagaan (B2B) di Dewan C dan bagi lain-lain segmen dibuka untuk dilawati oleh semua bermula 11 hingga 22 September 2024.

"Pada edisi kali ini kita telah mempromosikan MAHA Go Global kepada negara-negara luar untuk turut serta memamerkan teknologi pertanian, medan perniagaan bersama usahawan tempatan di samping membuka peluang potensi pelaburan kepada sektor agromakanan negara," katanya.

Menurutnya, sehingga kini 16 negara telah mengesahkan penyertaan antaranya Jepun, Brunei, Indonesia, Thailand, Hong Kong dan beberapa negara Eropah.

"MAHA 2024 akan menjadi batu loncatan baharu atau pencetus kepada dimensi baharu sektor pertanian untuk 20 hingga 30 tahun akan datang. Jadi untuk kali ini kita akan memberi penekanan kepada pelbagai elemen yang akan dibawa atau perkenalkan kepada pengunjung antaranya kecerdasan buatan (AI), Internet pelbagai Benda (IoT)," katanya.

Pelbagai kemudahan

Zurihanmi dalam masa sama turut memaklumkan pelbagai kemudahan disediakan kepada pengunjung dengan ada antaranya yang telah ditambah baik berbanding sebelum ini.

Antara kemudahan yang ditambah baik katanya, penganjur menyediakan laluan pejabat kaki berbumbung sejauh 1.1 kilometer (km) sebagai usaha untuk memberi lebih keselesaan kepada orang ramai.

"Kita juga menyediakan bas perantara secara percuma kepada pengunjung di beberapa lokasi antaranya di stesen Transit Airan Masa (MRT) UPM, Putrajaya Wetland, ICI City Putrajaya.

"Selain itu, turut disediakan 10 tram, empat trektor dan gerabak, 30 bas, lebih 100 buggy dan kita juga tidak lupa kepada pengunjung orang kurang upaya (OKU)

di mana disediakan parkir laluan masuk di Pintu 1 dan 2, kemudahan tandas, surau, tempat makan dan sebagainya," katanya.

Selain menyasarkan tiga juta pengunjung, beliau berkata, MAHA edisi kali ini juga turut meletakkan beberapa sasaran lain antaranya RM6 bilion nilai memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA), RM40 juta nilai jualan langsung, RM600 juta potensi pembiayaan dan padanan pembiayaan melalui jangkaan 4,000 permohonan dan 10 juta capaian media.

"Diharapkan MAHA 2024 menjadi medium terbaik Kementerian Pertanian dan Ketenteraman Makanan (KPKM) untuk menyebar luas potensi sektor pertanian dan projek berasaskan teknologi tinggi dalam sektor pertanian.

"Selain itu, MAHA 2024 juga diharap bakal memberi peluang dan ruang kepada peladang, penternak dan nelayan melalui ekspo yang berlangsung sama ada melalui pemerhatian dan pembelajaran dalam teknologi baharu pertanian, mencari ruang pasaran, mempamer serta mempromosi produk masing-masing," katanya.

Beliau dalam masa sama turut memberi jaminan keselamatan pengunjung turut diberi keutamaan sepanjang berlangsungnya acara tersebut dengan menempatkan pelbagai agensi keselamatan di lokasi berkenaan.

Bagaimanapun beliau turut berpesanada terutamanya bagi ibu bapa yang membawa anak-anak bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini selain mematuhi semua arahan ditetapkan pihak penganjur.

INFO AKTIVITI MENARIK

- Lembu Sado
- Glamping
- Floating Market
- Sunflower Garden
- Kids Farm Garden
- Jualan Makanan

KEMUDAHAN DISEDIAKAN

- Bas Perantara (dari stesen MRT Putrajaya Wetland, ICI City Putrajaya)
- Kemudahan tempat makan yang selesa
- Perkhidmatan Tram, Bas Rapid Kt
- Perkhidmatan servis Sick Bay (perluas kesihatan, ambulans (kecuali bekukan kesihatan))
- Lebih 6,000 parkir
- Surau
- Tandas

100 Maha 2024

Kita percaya memandangkan cuti sekolah dan sebagainya, kita bersedia di kawasan yang berkeluasan 130 hektar ini (MAEPS Serdang) untuk menerima kunjungan seramai tiga juta orang sepanjang tempoh program ini.

- ZURIHANMI

Truck driver let off with warning after hung stray cat incident

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Nasional	Online	7 Sept



PETALING JAYA: The driver of a pick-up truck involved in an incident where a cat was seen hanging by its neck from the back of the vehicle, has been let off with a warning. In a statement, the Penang veterinary services department (DVS) stressed that the investigation into the incident, which went viral after a video was posted on social media last month, was done transparently. The complete investigation papers have been referred to the deputy public prosecutor's office and the decision is to not charge (the driver), the department said. However, the suspect has been advised to be more careful and responsible in considering the welfare of animals in the future so as to not repeat the same thing, it added. It also said that the stray cat is currently under the department's care and will be offered up for adoption.

On Aug 9, Seberang Perai Selatan police chief Chong Boo Khim was reported to have said that police were

notified about the incident and that the driver's actions were believed to be not deliberate.

He said a man lodged a report after trying to take the stray cat to a veterinary clinic in Simpang Ampat. According to the man, the cat jumped out of the back of his vehicle and inadvertently ended up hanging off the back of the truck.

Chong added that the man only realised what happened once he arrived at the clinic and then proceeded to remove the collar from the cat's neck.

He said the case had been referred to the Penang DVS for further action.

The department, on Aug 9, said that the 18-month-old female cat, weighing 2.8kg, sustained multiple injuries but was expected to make a full recovery.

The incident took place on Jalan Merak Jaya 5 in Simpang Ampat, Tambun. Enforcement officers approached the owner of the vehicle, who said it was driven by someone else at the time of the incident.

Kuda diselamatkan, struktur haram diroboh bendung aktiviti berkuda di Batu Ferringhi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin mutiara	Nasional	Online	7 Sept



TANJUNG BUNGA – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyelamatkan dua ekor kuda dan merobohkan struktur haram yang dipercayai untuk kegunaan aktiviti berkuda di persisir pantai Batu Feringghi. Pengarah Penguatkuasaan, Jabatan Penguatkuasaan MBPP, Noorazrein Noorazlan Ong berkata, Kerajaan Negeri sebelum ini telah mengumumkan pengharaman aktiviti berkuda di sini bermula 1 September ekoran aduan awam dan pengabaian terhadap haiwan tersebut.

“Susulan pengharaman itu, kami (MBPP) mendapati masih terdapat bangsal yang dipercayai didirikan secara haram di atas tanah milik kerajaan berhampiran pantai Batu Ferringhi untuk menempatkan kuda-kuda ini. “Satu notis di bawah Seksyen 81(e) Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah dikeluarkan ke atas bangsal yang dijadikan sebagai kandang kuda dan menyebabkan kacau ganggu kerana tidak adanya saluran dan tidak sesuai didiami oleh haiwan tersebut, najis dan

kumbahan turut disalurkan ke anak sungai sebelah bangsal terbabit.

“Dua ekor kuda telah diselamatkan yang mana salah satu kuda tersebut dalam keadaan cedera di bahagian kaki dan badan. Kuda-kuda tersebut dipercayai diperoleh daripada pusat lumba kuda berdasarkan cap nombor pada badan kuda tersebut,” ujarnya pada Operasi Hapus Aktiviti Kuda (Ops Trojan) berkaitan di sini semalam. Hadir sama, Pegawai Veterinar MBPP, Tan Suan Heoh.

Tambah Noorazrein, kuda-kuda tersebut akan ditempatkan sementara di Jabatan Veterinar MBPP Jalan Sungai sebelum dirujuk kepada Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang untuk tindakan susulan.

Sebelum ini, MBPP mengambil lebih 50 tindakan penguatkuasaan sepanjang Januari hingga Mei lalu terhadap warga asing yang menjalankan aktiviti berkuda kepada pengunjung di pesisir pantai sekitar Batu Ferringhi.

Kuda diselamatkan, struktur haram diroboh bendung aktiviti berkuda di Batu Ferringhi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin mutiara	Nasional	Online	7 Sept



“Kita pernah lakukan operasi di pantai tetapi didapati agak bahaya apabila kuda bertindak agresif, kita bimbang keadaan ini akan mendatangkan kecederaan kepada orang awam,” katanya lagi.

Suan Heoh dalam pada itu, mengakui bahawa bangsal yang dibina oleh pengusaha adalah tidak bersesuaian dengan kuda terutamanya dari segi lantai, bumbung dan saluran kumbahan serta terdapat kecederaan pada haiwan tersebut

Bintulu woman confirmed as Sarawak's 6th rabies death for 2024

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Borneo Post	Nasional	Online	7 Sept



KUCHING (Sept 7): A 32-year-old woman from Sebauh, Bintulu has been confirmed as the 6th rabies death in Sarawak for this year, bringing the number of deaths since the outbreak was declared in July 2017 to 74.

Sarawak Health director Dr Veronica Lugh in a statement today said the woman died while receiving treatment at the Bintulu Hospital on Aug 31.

“The woman began experiencing a fever on Aug 24. Three days later, she experienced weakness in both legs, hypersalivation, hydrophobia, aerophobia, aggression, hallucinations, and sensitivity to light.

“She sought treatment at the Emergency and Trauma Unit of Bintulu Hospital on Aug 28 before being confirmed positive for rabies.

According to the investigation, the woman had a history of handling her three pet dog carcasses, which had died with frothing at the mouth, without any protective gear in July 2024 in Sebauh,” said Dr Veronica.

She also revealed that the woman's dogs had not been vaccinated against rabies and had been allowed to roam freely outside the house compound.

To date, Sarawak has recorded 81 human rabies infections since the outbreak was declared in 2017.

Dr Veronica also reminded the public that the incidents of dog and cat bites in Sarawak remain high.

“She revealed that from 2017 until the end of Aug 2024, a total of 57,917 dog bites, 49,693 cat bites/scratches, and 1,646 bites from other animals have been reported.

From Jan 1 to Aug 31, 2024, a total of 12,587 animal bite cases were reported, while on average, 360 animal bite cases are reported weekly in Sarawak, she added.

She stated that of these cases, 6,966 (55.34 per cent) were cat bites/scratches, 5,451 (43.30 per cent) were dog bites, and the remaining 170 (1.35 per cent) involved other animals.

Bintulu woman confirmed as Sarawak's 6th rabies death for 2024

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Borneo Post	Nasional	Online	7 Sept

Furthermore, 8,703 cases (69.14 per cent) involved bites or scratches from pets, while 3,884 (30.86 per cent) involved wild/stray animals, she said.

On that note, Dr Veronica reminded the public not to handle the remains of any dead pets, including dogs and cats, especially if the cause of death is unknown, and report the incident to the Department of Veterinary Services (DVS) or the nearest Local Authority (PBT) for further action.

She also stressed that the Sarawak Health Department will continue to intensify its efforts to control the rabies outbreak among humans, while urging the public to cooperate with all involved parties and play their part in ensuring that prevention and control measures are effectively implemented.

TERIMA KASIH

**DISEDIAKAN OLEH:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**